



PESERTA FORUM: Sesi bergambar peserta bersama dengan pengetua Kolej Kediaman 1 Borneo dan panel jemputan forum.

JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo anjurkan forum keusahawanan

UB 23/01/20 15

KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menganjurkan program Forum Keusahawanan: Cabaran Usahawan Masa Kini.

Program ini dijalankan bertujuan sebagai suatu usaha memberi penerangan berkenaan dengan keusahawanan dan cabarannya pada masa kini.

Menurut Pengarah Program Syaza Al'ya Masri, program ini memberi ruang khususnya kepada warga

Kolej Kediaman 1 Borneo khususnya dan UMS amnya untuk bersama-sama memahami akan cabaran dan prospek bidang keusahawanan pada hari ini.

Pihak kerajaan juga turut menggalakkan aktiviti keusahawanan terus dipergiatkan malah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 telah dilancarkan pada Julai 2019 bagi menyokong aktiviti dan perkembangan keusahawanan di Malaysia.

Di antara panel jemputan yang telah dijemput bagi

menjayakan program ini antaranya termasuklah LT. M. Datu Mohd Rais Aslam Datu Jamigul wakil daripada Suruhanjaya Komunikasi Malaysia dan Muhammad Azamuddin Samsul Azhar, Pengasas Jaguar Jersey dan merupakan pelajar tahun akhir di UMS.

Majlis ini dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman 1 Borneo Wijaya Kamal Ramlan berserta barisan pengurusan, JAKMAS dan pelajar Kolej Kediaman termasuklah pelajar UMS.